

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM COB - Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz
Sent: Saturday, October 13, 2018 11:12 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Sitraselvi a/p Chandren; Norhafizatul Binti Mat Hashim; Prof. Madya Dr. Chek B Derashid; Norimah binti Alias; Dr. Siti Seri Delima Binti Abdul Malak
Subject: TISSA-UUM ONLINE: CIMA OPEN DAY



Pusat Pengajian Perakaunan
Tunku Puteri Intan Safinaz
TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ
SCHOOL OF ACCOUNTANCY
Universiti Utara Malaysia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan Salam Sejahtera

13 OKTOBER 2018 | 4 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik



TISSA-UUM ONLINE: 2 Oktober 2018 – TISSA-UUM telah berjaya menganjurkan program "CIMA Open Day" bertempat di DKG 2/4. CIMA adalah merupakan sebuah organisasi yang mempunyai keahlian perakaunan profesional terkemuka dunia.

Wakil daripada CIMA, Encik Rushdan Ruzlan , Advancement Manager, Chartered Institute of Management Accountants telah hadir bagi memberi penerangan berhubung hala tuju dan peranan CIMA dalam melahirkan akauntan yang profesional. Selain itu, program ini juga diadakan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar berhubung pembangunan kerjaya profesional dalam bidang perakaunan di samping mewujudkan peluang kerjasama yang lebih baik di antara pihak CIMA dan TISSA-UUM.

Program ini dikendalikan dalam dua sesi iaitu sesi pertama bagi pelajar tahun pertama dan kedua untuk memperkenalkan CIMA dan membuka pendaftaran untuk CIMA melalui 'Operational Case Study Pathway.' Seramai 100 orang pelajar perakaunan telah menghadiri sesi pertama ini.

Sesi kedua pula melibatkan 40 orang pelajar semester akhir yang memperolehi CGPA 3.5 ke atas bagi mengikut program 'CIMA A-Star.' Program khas ini membolehkan pelajar TISSA-UUM yang terpilih untuk menduduki hanya satu peperiksaan profesional dalam mendapatkan kelayakan profesional CIMA.

Program ini turut dihadiri oleh *Liasion Officer* CIMA, Dr. Siti Seri Delima Abdul Malak, Dr Sitraselvi Chandren, Penyelaras Profesional dan pensyarah-pensyarah TISSA-UUM. Program ini diakhiri dengan sesi soal jawab antara para pelajar dengan wakil CIMA sebelum ditamatkan sepenuhnya pada jam 5.30 petang.

Sekian.

PEJABAT DEKAN
PUSAT PENGAJIAN PERAKAUNAN TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ (TISSA-UUM)
KOLEJ PERNIAGAAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 604-928 7213/7214
FAKS: 604-928 7216

DEAN OFFICE
TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ SCHOOL
COLLEGE OF BUSINESS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 604-928 7213/7214
FAX: 604-928 7216



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.